

05 SEP 2002

Kongres-Memorandum

KONGRES BAHASA DAN PERSURATAN MELAYU MAHU BERTEMU PERDANA MENTERI

TANJUNG MALIM, 5 Sept (Bernama) -- Wakil daripada Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu akan menghantar memorandum kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai hasrat mereka untuk mengekalkan Bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar dalam pendidikan.

Jurucakap kongres Prof Datuk Dr Abdul Latiff Abu Bakar berkata selain menghantar memorandum, mereka juga akan membincangkan cadangan untuk mempertingkatkan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar tanpa menggunakannya dalam matapelajaran Sains dan Matematik.

Antara perkara penting dalam memorandum itu ialah menyokong usaha kerajaan mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar iaitu dengan memberi peruntukan istimewa untuk menggunakan peralatan yang baik dan melatih guru-guru.

"Tetapi bahasa penghantarnya tetap Bahasa Melayu supaya pelajar kita boleh kuasai dua bahasa. Jika kita lihat sekarang seorang pelajar telah mempelajari Bahasa Inggeris selama 12 tahun tetapi penguasaan Bahasa Inggeris masih lemah, jadi kita kena betulkan sistem pendidikan," katanya kepada pemberita selepas perasmian Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Keenam yang dilakukan oleh Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, di sini, hari ini.

Selain memberi peruntukan istimewa, katanya, kelas Bahasa Inggeris juga sepatutnya dipanjangkan dengan strategi menguasai Bahasa Inggeris yang baik perlu ditekankan.

Kongres itu yang terdiri daripada Persatuan Linguistik Malaysia (PLM), Persatuan Penterjemahan Malaysia (PPM), Gabungan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA) serta Dewan Bahasa dan Pustaka sebelum ini pernah mengadakan perjumpaan dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 24 Ogos lepas mengenai perkara ini.

Walaupun cadangan mereka supaya Sains dan Matematik dikekalkan pengajarannya dalam Bahasa Malaysia, terminologinya perlu menggunakan Bahasa Inggeris.

"Terminologi perlu dikekalkan dalam Bahasa Inggeris kerana ia akan memudahkan para pelajar dilatih dalam Sains. Kami tiada masalah untuk menerima terminologi Bahasa Inggeris kerana ia dapat membantu pelajar menguasai Sains dengan mudah.

"Tetapi, tidak sepatutnya kerana hendak mempertingkatkan penguasaan Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik menjadi mangsa. Jika ia dilaksanakan juga, yang paling teruk memberi kesan ialah para pelajar Melayu di luar bandar. Masyarakat bandar penguasaan mereka dalam Bahasa Inggeris memang baik," kata Dr Abdul Latif yang juga merupakan Ketua II GAPENA.

Beliau berkata wakil-wakil yang akan berjumpa dengan Perdana Menteri akan terdiri daripada pemimpin-pemimpin pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Melayu yang mahu Bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa ilmu, komunikasi dan perpaduan rakyat.

-- BERNAMA

KAY PR